

Rugi RM255,000 ditipu 'pegawai Bukit Aman'

Suri rumah berusia 76 tahun diperdaya sindiket Phone Scam.

Oleh MOHD ISKANDAR OTHMAN

KEPALA BATAS

Seorang warga emas ke rugian RM255,000 selepas diperdaya sindiket Phone Scam kelmarin.

Suri rumah berusia 76 tahun itu menerima panggilan daripada seorang wanita yang memperkenalkan diri sebagai pegawai polis Kuala Lumpur dan memberitahu kononnya dia terlibat kes pengubahan wang haram.

Mangsa menafikan tetapi panggilan berkenaan disambungkan kepada 'pegawai polis Bukit Aman' yang kemudiannya memaklumkan dia akan ditangkap dan perlu memindahkan wang dalam simpanannya bagi tujuan siasatan.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Ko-

misioner Noorzainy Mohd Noor berkata, bimbang ditahan warga emas itu melakukn 11 transaksi wang berjumlah RM255,000 ke sembilan akaun yang diberikan 'pegawai polis' berkenaan.

"Mangsa menyedari ditipu selepas pihak bank curiga dengan perbuatan mangsa yang membuat transaksi deposit dalam amaun yang besar dan selepas disoal pihak bank mendapat pengadu telah ditipu sindiket berkenaan," katanya ketika dihubungi di sini.

Beliau berkata, terkejut dengan maklumat berkenaan, mangsa terus membuat laporan polis.

Dalam pada itu, Noorzainy menasihatkan orang ramai berwaspada dan tidak mudah terpedaya



NOORZAINY

dengan muslihat sindiket.

"Jangan mudah panik dan mengikut arahan yang diberikan oleh pemanggil yang tidak dikenali sebaliknya hubungi pihak polis atau organisasi yang terlibat untuk sebarang pengesahan."

"Kes akan disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Kesejahteraan kerana menipu," katanya.

Lebih Gah

Sinar Atlad

Setiap Ahad,
Banyak! Mau